

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (Rabu)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE (BELURAN) meminta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status serta bentuk penyusunan dan penstrukturan semula Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) bagi mempertingkatkan lagi keselamatan di pantai timur negeri Sabah termasuk dari ancaman Kumpulan Abu Sayyaf yang dipercayai berpangkalan di Jolo, Sulu di Filipina.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) Bil.1 tahun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 Mac 2019 antara lain telah bersetuju supaya Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) distruktur semula bagi meningkatkan keselamatan di Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE). Bagi tujuan ini, satu Pasukan Petugas (Task Force) Penyelarasan dan Pengstrukturian ESSCOM yang diketuai oleh MKN, JPM telah diwujudkan bagi menyelaras proses dan tindakan ini.

Task Force ini telah mengadakan beberapa siri mesyuarat, Round Table Talk (RTT) dan Round Table Dialogue (RTD) bersama agensi-agensi termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), ESSCOM, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menyelaras keputusan-keputusan tersebut. Antara perkara yang diperhalusi termasuklah membincangkan rangka asas konsep operasi baharu melibatkan ATM, PDRM dan APMM, penyusunan semula pembahagian Kawasan Tanggungjawab (KTJ) operasi dan kawasan pos-pos keselamatan di daratan dan pulau-pulau antara ATM, PDRM dan APMM dan juga penstrukturian semula bahagian awam ESSCOM.

Sidang MKN Bil.2 pada 3 Jun 2019 telah mengambil maklum mengenai kemajuan kajian penstrukturian semula ini yang dijangka akan dilaksanakan pada Januari 2020. Walau bagaimanapun, Pihak ESSCOM pada masa kini dengan komposisi PDRM, ATM dan APMM tetap menjalankan kawalan bagi menangani ancaman keselamatan di ESSZONE seperti sedia ada.